



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	SPAN / SAMB			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## Melaka muktamad harga baharu April depan

**Ayer Keroh:** Keputusan mengenai status kadar tarif air negeri sama ada dikekalkan atau dinaikkan di Melaka dijangka dimuktamadkan April depan.

Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata keputusan itu bergantung kepada perbincangan kerajaan negeri bersama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, yang mana antara fokus utama termasuk mengenai status kadar tarif air selain infrastruktur.

"Perbincangan masih berjalan dan pihak kementerian meminta negeri membuat keputusan mengenai tarif air sebelum April ini.

"Kita akan buat keputusan sebaik perbincangan selesai," katanya pada Majlis Perhimpunan Perdana Kerajaan Negeri di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, semalam.

Adly mengulas kenyataan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar, yang meminta semua negeri yang tidak bersetuju melaksanakan pelarasan tarif air mengemukakan mekanisme mengelak krisis air pada masa depan.

Adly berkata, menyedari kadar taburan hujan merosot, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) bersama Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) perlu mencari kaedah terbaik memastikan bekalan air yang mampan, selain kaedah menangani gangguan bekalan.